

Geografi sebagai sintesis: Meneliti kembali peranan geografi di sebalik pola reruang

Geography as synthesis: Re-analysing geography's role

Abdul Hadi Harman Shah, Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Ahmad Fariz Mohamed

*Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: agarmans@pkriscc.ck.ukm.my*

Abstrak

Pada akhir 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia mengumumkan langkah transformasi pendidikan negara di peringkat sekolah, bermula 2013 hingga 2025 dengan tujuan untuk memperkasakan pendidikan negara agar pembangunan sumber manusia negara akan menjadi lebih berwibawa untuk memenuhi keperluan negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020 dan tahun-tahun mendatang. Tindakan itu dijangka membawa perubahan besar kepada kesemua aspek pendidikan dari kualiti prasarana pembelajaran, guru hingga ke kurikulum. Pada persimpangan inilah pengajian Geografi perlu diposisikan semula untuk bersama dengan transformasi itu dan menyerlahkan semula kerelevanannya. Proses memartabatkan kembali bidang geografi memerlukan penelitian terhadap isi yang dianggap asas kepada bidang ini dan bagaimana unsur asas dan penggarapan geografi telah menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat, malahan dunia. Tentunya setiap bidang ilmu mengalami evolusi penatarannya, namun terdapat beberapa perkara asas yang kekal dan walaupun bidang ilmu mengalami perubahan. Dalam geografi, konsep ruang menjadi asas kewujudannya. Ruang itu pula mempunyai konteks masyarakatnya. Perubahan yang berlaku pada konteksnya, tidak menyisihkan konsep itu, malahan konsep itu akan tetap segar mendasari bidang ilmu ini. Bagi pendukung bidang ilmu ini, geografi mempunyai satu peranan penting iaitu mensintesis kefahaman alam fizikal dan manusia pada tempat, kawasan, negara atau benua dan dunia. Hal ini adalah sesuatu yang semakin diperlukan untuk kefahaman tentang hubungan persekitaran dengan masyarakat masa kini. Artikel ini adalah penulisan refleksi tentang perubahan geografi di Malaysia dalam konteks keperluan setempat dan global. Apakah yang harus ada dalam bidang geografi pada masa mendatang untuk menjadi terus relevan dalam pendidikan masyarakat diwacanakan dalam ruang lingkup usaha manusia menjadikan alam ini kediamannya?

Kata kunci

teras geografi, geografi sebagai sintesis, peranan geografi, pendidikan tinggi geografi

Abstract

At the end of 2012 the Malaysian Ministry of Education announced steps towards transforming the national education at the school level, beginning from 2012 until 2025 with the objective of empowering national education to develop human resource that is able to fulfill the needs

of a high income developed nation of 2020 and beyond. This initiative is expected to bring about major changes to all aspects of education including learning infrastructure, teachers and curriculum. At this juncture the study of geography need to be repositioned to be in line with the transformation and showcasing its relevance. The process of re-emphasizing the importance of geography as a discipline requires a reevaluation of the fundamentals and how these fundamentals, together with geography's synthesizing capabilities contribute towards the development of local and global societies. Every discipline evolves, yet there are constants in that evolution. Space has its societal context and while the context might change, the concept of space still permeates the discipline. For the proponents of the discipline geography plays an important role in synthesizing the understand on the physical and human realms within a place, area, state, nation, continent and even the world. The synthesis is crucial in understanding the relationship between environment and society today. This article is a reflection on the changes in the discipline of geography in Malaysia within the contexts of local and global needs. The primary question remains what are the elements that must be strengthened to ensure that geography remains relevant in society's education, articulated within the scope of mankind's attempt in turning the world into a domicile.

Keywords

geography's fundamentals, geography as synthesis, geography's role, geography in higher education

Pengenalan

Transformasi pendidikan di peringkat sekolah yang bermula pada 2013 hingga 2025 menuntut pendidikan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) meneliti kembali pendidikannya, supaya sejajar dengan perkembangan dari perubahan tersebut (Malaysia, 2012). Dalam konteks inilah disiplin ilmu Geografi perlu dikaji dan diposisikan semula, supaya ia dapat menyumbang kepada penerusan usaha mencapai matlamat transformasi pendidikan di peringkat sekolah, iaitu untuk membangunkan sumber manusia yang berketrampilan, berpengetahuan luas dan kukuh, lancar berkomunikasi sekurang kurangnya dalam dua bahasa iaitu bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi global, bersopan santun dengan aras keintelektualan yang perkasa, berfikiran kritis dan bijak berwacana dan lain-lain. Petikan dari Kitab Tajul Muluk di atas, satu kitab bacaan penduduk Melayu masa silam dan masih relevan kini, memberikan gambaran terhadap cabaran yang terpaksa dilalui oleh peneliti geografi berkaitan intipati kedinamikan bidang ilmu ini, justeru mendalami perubahan epistemologinya berikutan perubahan pada bumi. Perkaedahan bidang ilmu ini juga harus bersesuaian dengan perubahan epistemologi tadi. Pun begitu, ontologi bidang ilmu ini tetap pada korografinya. Dalam konteks kedinamikan inilah bidang ilmu perlu diperkasakan.

Pemeriksaan geografi membawa pelbagai erti yang berbeza. Jika dikatakan bahawa tujuannya ialah memberi kuasa (*empowering*), atau dalam bahasa Indonesianya pemberdayaan, maka diperkasa, diberi kuasa dan diberi daya untuk melakukan apa? Siapa pula yang menentukan tujuan pemeriksaan tersebut. Kesemua persoalan ini timbul

kembali apabila dirasakan bahawa geografi di Malaysia semakin hilang tempatnya dalam masyarakat. Ada dalam kalangan ahli-ahli geografi yang berasa resah kerana kelihatannya masyarakat tidak lagi merasakan keperluan bidang ini. Ukuran yang sering digunakan ialah pengurangan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran geografi di peringkat sekolah dan kemasukan pelajar di jabatan atau program geografi di institusi pendidikan tinggi. Kerisauan ini telah membawa pelbagai dampak di dalam bidang itu sendiri. Ada yang cuba menekankan kursus yang dianggap mempunyai nilai komersial yang dijangka akan menarik pelajar, ada pula mengubahsuai nama jabatan, bidang mahupun kursus agar dianggap lebih menarik dan ‘berdaya saing’. Ini merupakan masalah lazim dalam geografi, apabila bidang ilmu ini didapati berguna dan menjadi menarik di mata masyarakat, namanya akan ditukar – kajian persekitaran, lanskap, logistik, epidemiologi dan sebagainya, seakan-akan perkataan geografi itu sendiri tidak sesuai mewakili pemikiran dan penyelesaian terkini.

Atau mungkinkah keresahan yang dirasakan ini sebenarnya tidak bertempat? Geografi adalah sebahagian dari bidang sains sosial dan kemanusiaan yang lebih cenderung bersifat pendidikan liberal berbanding vokasional. Dalam penekanan terbaru institusi pendidikan tinggi menerusi kemahiran insaniah atau *softskill*, geografi seperti juga bidang sains sosial dan kemanusiaan lainnya telah lama mendahului amalannya. Malahan ia menjadi teras kepada bidang utama ini. Tentunya sebagai suatu disiplin yang hidup, ia sentiasa menghadapi perubahan.

Perubahan dalam asas geografi

Geografi, seperti mana-mana bidang akademik lain, sentiasa berkembang dan berubah mengikut peralihan keperluan ruang masa dan pemikiran ahli-ahlinya. Malahan persoalan tentang apa itu geografi dan apa yang wajar disampaikan dalam pendidikan geografi juga telah lama diperdebat. Perkembangan bidang ini, seperti perkembangan unsur-unsur yang dibincangkan amat berkait dengan ruang perkembangan disiplin itu sendiri. Apa yang menjadi teras kepada subjek akademik geografi bergantung kepada kepercayaan semasa tentang dunia dan tempatnya manusia dalam dunia itu. Dalam sejarah bidang geografi, kepercayaan ini telah mengalami perubahan, dan begitu juga apa yang diajar dan dipraktikkan. Semenjak abad ke tujuh belas kepercayaan era *Enlightenment* telah menghasilkan perspektif hubungan manusia dan persekitaran yang bersifat objektif, analitik dan instrumental, namun dengan banggunya kembali idea romantisme kepercayaan subjektif, sintetik dan penuh nilai diperkukuhkan. Pengajian geografi sebagai subjek akademik di universiti semenjak akhir kurun ke-19 hingga ke hari ini mempamerkan sorong tarik antara kedua-dua pandangan yang berbeza tentang tempat manusia dalam dunia ini. Pun begitu kedinamikan disiplin ilmu geografi tidak melupakan essensi kewujudannya, iaitu unsur ruangnya yang membezakan disiplin ilmu ini dengan disiplin sejarah, sosiologi, antropologi dan lain-lain. Ketika proses globalisasi meledak untuk menorobos dinding negara-bangsa dan masa boleh meleburkan ruang dalam suasana moderniti super (*super modernity* - Auge

1995) dalam dunia siber, konsep ruang itu masih kekal dalam rujukan. Di Malaysia, perubahan dan perkembangan disiplin geografi terikat kepada laluan masyarakat pasca kolonial yang mewarisi korpus ilmu kolonial dan cuba membentuk korpus ilmunya sendiri. Tentunya proses pencarian itu masih berbaur dengan apa yang terdahulu dan pada waktu yang sama terasak apa yang sedang berlaku semasa.

Imbasan terhadap perkembangan disiplin geografi boleh dibuat dengan meneliti pemetaan landskap ilmu yang dibincangkan oleh Gregory (1994) seperti pada Rajah 1. Kelihatan bahawa Geografi Manusia telah berkembang sejajar dengan perkembangan ilmu di Barat. Kita boleh perluaskan lagi liputan rajah tersebut untuk memasukkan juga penelitian aspek geografi fizikal dan teknik ke dalam rajah tersebut agar tugas geografi itu lebih menyeluruh, seperti letakan geomorfologi, kaji iklim dan kaji tanah misalnya, dalam pembelajaran geografi.

Jadual 1 Landskap intelektual tumpuan kepada geografi manusia

Masa	Disiplin Ilmu	Geografi	Penekanan Kajian Geografi
Kurun 18-19	Antropologi	Geografi	Kajian Budaya
Kurun 19-20	Sosiologi	Geografi	Teori Sosial
Pertengahan Kurun 20	Ekonomi	Geografi	Ekonomi Politik
Sejak Pertengahan Kurun 20 hingga kini (tambahan penulis)	Globalisasi Kelestarian Trans-disiplin	Geografi	Tempat-Global-Globalisasi

Di Malaysia perkara ini boleh dilihat menerusi penekanan kepada geografi sistematik yang mencirikan pelbagai aspek alam sekitar dan manusianya. Pendekatan sebegini dahulunya digunakan untuk membantu pihak penjajah mengenal pasti pelbagai sumber yang dapat dimanfaatkan dan struktur masyarakat yang diperintah. Di waktu awal pasca kolonial pendekatan ini digunakan masyarakat untuk mengenali dan memahami dirinya sendiri. Para pelajar diajar apa yang ada di negeri-negeri yang berlainan seperti jelapang padi di Kedah, perlombongan timah di Perak dan tanaman nenas di Johor. Pendekatan korologi, penelitian tentang tempat dan ruang, memainkan peranan penting dalam usaha sebegini. Namun pendekatan korologi ini mempunyai risikonya tersendiri. Ia mudah cenderung kepada hanya mencari keunikan tempat (idiografik) dan mengenenepikan landasan nomotetik sains yang mencari pola, hukum dan peraturan. Hari ini konsep seperti migrasi, perubahan iklim dan kemahiran teknikal geografi yang mirip nomotetik sifatnya diterapkan dalam pendidikan geografi di peringkat sekolah. Tidak lagi sekadar penceritaan dan penghafalan, kefahaman proses ruang dan tempat juga mula ditekankan.

Di peringkat universiti pula penataran geografi sistematik diberikan penekanan lanjut. Pelajar dibimbing dan penyelidikan dilaksanakan untuk menambah pengetahuan korografi tentang ruang dan tempat. Sifat analitik bidang geografi sistematik dipertingkat dengan kemahiran menggunakan pelbagai peralatan dan konsep yang mencirikan tempat. Pendekatan sebegini masih lestari hingga ke hari ini.

Tentunya perkembangan bidang geografi di Malaysia juga terkesan perubahan pemikiran geografi sejagat. Geografi sistematik dengan sifat empirisnya dipersoal sebagai tidak mencukupi dalam menjelaskan kedudukan manusia. Ia tidak menyentuh kesedaran manusia yang menjadi subjek di suatu tempat. Tempat itu sendiri dikenali menerusi pengalaman dan sebagai agen, manusia sentiasa berada di dalam sesuatu tempat, seperti juga manusia sentiasa berada di dalam sesuatu budaya. Hubungan antara manusia dan persekitarannya sentiasa merupakan sebahagian dari identiti individu dan komuniti dan seperti yang dinyatakan Tuan (1974), 'tempat itu bukan sahaja suatu fakta yang perlu dimaklumkan dalam kerangka ruang yang lebih luas, ia juga suatu realiti yang harus diperjelas dan difahami dari perspektif mereka yang memberinya makna'. Geografi sistematik dapat memenuhi keperluan pertama tetapi tidak yang kedua.

Rekonstruksi makna budaya dalam bentuk dan proses ruang menjadi fokus alternatif kepada pandangan geografi positivis (Harvey,1969; Hagget,1966). Dunia kini dilanda aliran maklumat, budaya yang semakin tercabar dan pengalaman yang terhasil dari teknologi virtual. Penetapan ruang, pemusatan aktiviti dan pemberian makna kepada tempat kerja dan kediaman, perjalanan dan impian kesemuanya menjadi persoalan utama yang memerlukan jawapan, dan geografi akan dianggap lalai sekiranya persoalan sebegini tidak terjawab.

Salah satu pendekatan alternatif berpaksikan idea geografi budaya yang berasaskan aliran Carl Sauer (1927) di Amerika Syarikat mengaitkan lanskap dengan budaya dengan penekanan kepada teknologi seperti penternakan, pertanian dan industri serta beberapa ciri budaya bukan material seperti agama, sistem politik dan perundangan. Pendekatan geografi budaya ini disalur menerusi pembacaan landskap sebagai teks kepada budaya dan juga menyedari bahawa budaya itu mempunyai beberapa lapisan yang membenarkan kemungkinan pentafsiran yang berbeza.

Setiap penglibatan manusia dalam sekitaran semulajadi mengakibatkan perubahan, walaupun perubahan itu tidak ketara, terutamanya kepada orang luar. Perubahan bahan binaan mungkin satu petanda yang nyata bagi seseorang pengkaji tetapi fenomena budaya yang membawa makna kepada persekitaran selalunya lebih tersirat dan memerlukan kefahaman yang lebih mendalam. Suatu objek semulajadi seperti ulam pegaga atau petai apabila dipetik, dibersihkan dan disediakan sebagai makanan akan menjadi satu objek budaya yang mana ia telah dilapiskan dengan pelbagai makna. Walaupun sebagai satu hasil semulajadi ia tidak berubah, tetapi kini wujud ciri-ciri budaya yang telah mewarnainya.

Jika geografi merupakan jambatan antara persekitaran fizikal dan manusia, penggembelangan faktor budaya ini memperkaya korpus penelitian bidang geografi itu sendiri. Apatah lagi apabila di dalam sesuatu masyarakat itu terdapat lebih dari satu budaya yang saling bertemu, bertembung dan bernegosiasi. Kepelbagaian budaya setempat yang juga menghasilkan pola ruang yang kelihatan ini perlu diberikan penjelasan dan bidang geografi menggarap perbincangan pasca moden untuk tujuan tersebut.

Geografi pasca moden

Adalah menarik dalam keadaan di dunia ketiga secara umum dan Malaysia secara khusus yang menekankan kecekapan serta keuntungan ekonomi, dunia maju mula membicarakan tentang estetik dan keluwesan dalam pengumpulan harta. Pendekatan modenis mula dihujah untuk ditukar dengan pendekatan yang digelar pasca moden.

Konsepsi ruang oleh ahli geografi modenis mula dengan dasar kepercayaan fungsional tentang kewujudan untuk tujuan sosial tertentu. Pendukung pendekatan Pasca-moden pula melihat ruang sebagai sesuatu yang terasing dan wujud sendirian dan dibentuk berdasarkan kepada matlamat dan prinsip estetik yang mungkin tidak ada kena mengena dengan mana-mana objektif sosial yang lebih tinggi (Harvey, 1990). Dengan itu, dalam konteks bandar misalnya, terdapat peralihan dari perancangan dan pembangunan yang menumpukan kepada yang berskala besar, berteknologi dan rasional serta cekap dalam fungsinya kepada suatu gaya yang lebih bercampur aduk dan ter Gaul, menggunakan apa yang ada (Harvey, 1989). Harvey juga menyatakan bahawa perubahan dalam perancangan dan pengurusan bandar ini merupakan contoh-contoh transformasi budaya dan intelektual yang sedang dialami pada masakini dan selari dengan konsep kapitalis tentang pengumpulan harta secara lebih fleksibel.

Anjuran utama di sini ialah apa yang berlaku di setiap lokasi tidak boleh dijelaskan melalui rujukan kepada satu teori umum, tetapi hanya dapat dibentuk dan difahami dalam lingkungan konteks tempatan. Ini merupakan motif utama dalam pemikiran pasca moden. Ini juga memberikan asas kepada objektif analisis kajian setempat dalam komuniti geografi. Cubaan ahli geografi untuk memikirkan kembali hubungkait antara masa, ruang dan entiti sosial dalam konteks tempatan mewakili pendekatan pemisahan dan dekonstruksi yang menekankan perbezaan dan pemecahan. Dengan itu pendekatan meta-teori dan konsep keseluruhan tentang pembahagian tenaga buruh antarabangsa dan sistem kapitalis global disarankan untuk ditukar dengan kepelbagaian setempat.

Namun begitu Marden (1992) pula menyatakan bahawa konsep geografi pasca moden itu sendiri adakalanya saling bercanggah di antara pelopor utamanya seperti Jencks (1980) yang menyatakan ia merupakan satu peralihan daripada modenisme sementara Lyotard (1984) pula menyatakan bahawa ia adalah satu lanjutan dari modenisme itu sendiri. Persetujuan utama yang dicapai pula merasakan bahawa perubahan dalam penghayatan estetik oleh budaya barat adalah meluas. Penghasilan budaya itu sendiri telah bersebuti dengan penghasilan komoditi dalam mana eksperimen dan inovasi budaya didapati (Jameson, 1991). Jameson juga menyatakan bahawa wujud peralihan dalam sikap dan kebiasaan pengguna dalam mana keinginan, pertukaran fesyen, muzik pop, karya, televisyen dan pelbagai imej media menjadi petunjuk utama individu di bawah kapitalisme.

Gregory (1994) mengusulkan pasca moden sebagai satu pendekatan yang melewati tahap moden dan meminta kepada pembentukan geografi tersendiri. Catatan beliau menekankan bagaimana pasca moden juga bermakna pasca paradigma. Ini merujuk kepada persoalan tentang meletakkan pendekatan geografi kepada sesuatu yang khusus

seperti positivisme, strukturalisme, humanisme dan kemudian menolak pendekatan yang lain.

Sintesis dalam geografi: Dahulu dan sekarang

Perbincangan untuk mencari landasan dan penggerak sosiopolitik dan budaya yang menghasilkan pola ruwang yang kelihatan di permukaan dan kemudiannya dipetakan pula oleh ahli-ahli geografi merupakan satu usaha untuk meletakkan konteks setempat kepada apa yang lazimnya dianggap sebagai peraturan sejagat (Abdul Samad Hadi, 1990). Pandangan pada masa itu menekankan sintesis kawasan yang menjelaskan aliran penduduk dalam kawasan dan sejarah. Ini melibatkan keadaan yang menggalakkan mobiliti masa silam, semasa penjajah dan ketika penyusunan semula ekonomi ruwang dan penajaan mobiliti penduduk. Sekiranya pola ruwang yang terhasil hanya realisasi kecekapan bida sewa von Thunen dan Alonso semata mata mungkin geografi tidak menjadi suatu bidang yang semakin berkembang hari ini. Mungkin juga kerelevanan geografi akan hanya terhenti kepada menjadi jurukira pola ruwang yang paling cekap. Mungkin ini implikasi apa yang disarankan Bunge (1962), iaitu geografi dipersempitkan sebagai penelitian geometri atas bumi.

Analisis saintifik lazimnya bermula dengan pemecahan dan pemisahan. Seringkali itu sudah mencukupi untuk disampaikan kepada para saintis dan akademia menerusi jurnal dan pembentangan seminar. Namun lebih bermasalah ialah apabila apa yang sudah dileraikan tadi perlu dicantum semula. Bagaimana ia dicantum semula akan ditentukan oleh suatu konstruk yang lain – seringnya pula berbeza dari apa yang pada awalnya dileraikan. Namun cantuman kembali ini merupakan sesuatu yang penting untuk pembuat keputusan dan polisi yang seringkalinya perlu melihat sesuatu itu secara menyeluruh dan melihat persekitaran dalam konteks yang lebih luas dari pokoknya, beruangnya, malahan orangnya.

Pendekatan sintesis merupakan satu cara menterjemahkan kehendak lama manusia untuk mengurus persekitarannya yang berasaskan tiga idea utama; idea dunia yang tercipta (dan dengan itu mempunyai sistem yang tersendiri), idea tentang pengaruh persekitaran, dan idea manusia sebagai agen geografi (Glacken, 1967).

Keperluan sintesis dalaman geografi

Pendekatan geografi yang disampaikan oleh ahli-ahli geografi awal di Malaysia seperti Ooi Jin Bee, Robert Ho dan Hamzah Sendut antara lainnya menekankan geografi sistematik yang lebih bersifat analisis berbanding sintesis. Di sini penulisan lebih menjurus kepada pemerincian persekitaran manusia dan fizikalnya. Terdapat kerangka sistem yang mana penelitian sebegini diletakkan namun sifatnya masih cenderung idiografik mencari apa yang unik di dalam sesebuah tempat.

Idea tentang sifat integratif atau sintesis geografi ini diketengahkan antara lainnya oleh Hartshorne (1939) yang menghujahkan bahawa:

“Geografi tidak meletakkan mana-mana fenomena sebagai miliknya, tetapi sebaliknya meneliti semua fenomena yang terintegrasi dalam kawasan yang dikaji, tidak mengira sama ada fenomena yang sama juga diteliti dari sudut pandangan yang lain’ (Hartshorne, 1939).

Namun apa yang telah berlaku ialah sub bidang dalam geografi kelihatannya semakin terpisah dan menjurus ke arah analisis yang membawa kepada keterasingan dan ‘keakuan’ dalam bidang geografi itu sendiri. Geografi yang terpisah kepada geografi manusia dan fizikal dipecahkan lagi kepada geografi ekonomi, politik, geomorfologi, iklim, dan sebagainya. Malahan sub bidang ini menjadi semakin terjurus mengikut landasan sains analitik, contohnya sub bidang geomorfologi yang dituras kepada hidrologi dan sains tanah. Walaupun kesemua ini ada tempat dan kepentingannya, ia semakin menjauhkan bidang geografi dari peranan sintesisnya.

Kerelevanan geografi: Mencari tempat dalam masyarakat

Adalah amat mengkusarkan apabila seseorang atau sesuatu itu tidak lagi mempunyai tempat dalam masyarakat. Geografi, untuk melestarikan tempatnya dalam masyarakat harus sentiasa relevan kepada masyarakat lokal, mahupun masyarakat dunia. (Gould 1999) menekankan pengajian geografi yang relevan kepada keperluan masyarakat sebagai sebab utama kejayaan disiplin tersebut di Amerika Syarikat di mana dahulunya geografi juga dilihat sebagai semakin merudum sehingga pertengahan 1980-an. Geografi sebagai suatu bidang amat mudah menjadi usang (*obsolete*), terutamanya apabila ia hanya menekankan keunikan setempat tanpa cuba membentuk teori hubungkait yang menjadi asas kewujudan sains semasa. Namun pelbagai teori seagat yang sering diajar seperti teori ruang pusat, teori graviti dan pelbagai lagi (Haggett, 1970; Harvey, 1969) harus kemudiannya diungkap semula dengan mengambilkira penggerak ruang lokal. Jika tidak ia akan hanya merupakan konsep hambar yang sekadar dihafal pelajar dan tidak relevan atau terpakai untuk kegunaan setempat. Untuk memahami pernyataan masyarakat yang disampaikan melalui landskap ataupun aktiviti-aktivitinya, kefahaman tentang simbol dan makna dalam sesebuah masyarakat adalah perlu. Tanpa kefahaman ini kesilapan dalam mentafsir akan mempamerkan fokus yang salah dengan mengeneipkan yang utama dan membesarkan yang remeh. Lebih berbahaya apabila konsep yang simplistik digunakan sebagai penyelesaian polisi yang akhirnya memudaratkan. Untuk ini ahli geografi harus dapat mendengar dan berkomunikasi tentang apa yang diperlukan.

Pemikiran geografi untuk sekian lama menghasilkan tiga jenis pola ruwang yang dipersembahkan untuk kefahaman tentang alam dan manusia. Pola ruwang yang disampaikan ahli geografi bukan sekadar menjelaskan dunia secara deskriptif, ia juga merupakan suatu konstruk dunia berdasarkan kefahaman ahli-ahli geografi itu sendiri. Akhirnya pola ruwang yang dihasilkan dapat membantu pembentukan konstruk yang diilhamkan oleh masyarakat. Proses sintesis geografi yang menyumbang kepada

impian dan wawasan masyarakat ini yang akan menjadikan geografi semakin relevan dan jelas tempatnya.

Contohnya, sintesis peringkat pertama, sintesis deskriptif. Idea tentang pencemaran udara atau air merupakan satu konsep sintetik yang menggabungkan beberapa elemen seperti oksida karbon dan sulfur atau tahap BOD dan COD. Begitu juga dengan pulau haba dan lembangan banjir. Kesemuanya, walaupun boleh dikaitkan dengan penilaian, pada asasnya hanya membentuk satu gambaran deskriptif yang mengintegrasikan aspek fizikal persekitaran. Konstruksi sebegini terhasil khususnya dari ahli geografi sendiri dan diterima pada tahap yang berbeza oleh masyarakat. Contoh lain dari geografi manusia seperti konsep kawasan pusat bandar atau *central business district* yang sering digunakan dalam membentuk pola ruang bandar pula, merupakan sintesis konsep jarak, kesampaian dan pasaran. Walaupun ia cuba mendeskripsikan letakan kawasan pusat bandar, konsep ini tidak semestinya diterima oleh orang awam yang merasakan kehidupan harian mereka tidak tertumpu di bangunan tinggi yang menempatkan pelbagai perkhidmatan, terutamanya bank-bank yang meraih tempat tersebut hasil keupayaan bida tertinggi.

Untuk melanjutkan perbincangan tentang persepsi terhadap ruang fokus atau tempat yang bermakna ini, kesedaran dalaman masyarakat perlu dihayati. Surau, telaga, halaman rumah kesemuanya merupakan lokasi yang mempunyai makna yang sangat mendalam untuk masyarakat setempat namun sering diketepikan ahli perniagaan dan pelancong. Apa yang dicari oleh ahli perniagaan adalah pulangan tertinggi dan pelancong pula selalunya mencari simbol-simbol nyata yang boleh diambil dan distatiskan dalam gambar foto ataupun video. Adalah berbahaya untuk mendefinisikan ruang dan tempat semata-mata berdasarkan perniagaan dan pelancongan yang mana budaya yang terhasil sebenarnya lompong dan tidak bermakna. Untuk mempamerkan makna dalam sesuatu landskap masyarakat memerlukan keupayaan imaginasi untuk masuk ke dalam dunia yang lain dalam keadaan sedar dan kemudian mempamerkan semula landskap tersebut dalam bentuk yang boleh difahami dan direnungkan. Dalam aspek ini geografi boleh memberikan sumbangan terhadap ruang.

Sintesis tahap kedua adalah lanjutan konsepsualisasi sintesis kawasan (Abdul Samad Hadi, 1990). Sintesis ini bersifat evaluatif dan tidak lagi terbatas kepada penceritaan sahaja. Sintesis tahap kedua ini juga mula menggabungkan hubungan persekitaran manusia atau persekitaran budaya dengan persekitaran fizikal. Satu contoh sintesis sebegini cuba dilaksanakan menggunakan konsep kemudahterancaman (*vulnerability*) menilai dampak manusia ke atas persekitaran dan dampak persekitaran ke atas Lembangan Langat (Abdul Samad Hadi *et al*, 2005). Konsep kemudahterancaman secara ringkasnya menghubungkan keupayaan manusia, dengan segala latar individu dan sosioekonomi dan budayanya, menerima perubahan persekitaran yang disebabkan perubahan semulajadi seperti tsunami, mahupun yang dihasilkan proses pembangunan seperti tanah runtuh akibat pembalakan. Pemetaan risiko dan potensi yang merupakan teknik lazim geografi digabungkan dengan perbincangan tentang gerak kuasa masyarakat dalam menjana dan menerima perubahan.

Sintesis tahap ketiga sifatnya optatif (Guttenberg, 1990). Kini ia tidak sekadar menilai sejarah atau persekitaran sedia ada tetapi juga mengusulkan idea daripada sesuatu wawasan masyarakat tentang persekitaran yang diimpikan dan proses perubahan persekitaran yang wajar. Sekitar pertengahan tahun 70-an sintesis sebegini dipanggil geografi optimum. Anas dan Dendrinis (1976), menggunakan terminologi Mirrlees, mendefinisi geografi optimum sebagai usaha memaksimumkan fungsi kebajikan sosial untuk keseluruhan penduduk tertakluk kepada faktor input, produksi dan kekangan keluasan kawasan. Hasil sintesis sebegini dahulunya adalah bilangan optimum kawasan bandar di dalam sesebuah negara dan kawasan pasaran setiap satu berdasarkan kawasan pertanian di sekitar setiap bandar dan saiz populasinya.

Hari ini sintesis tahap ketiga dibincangkan dalam konteks pembangunan lestari (*sustainable development*), dayahuni (*livability*) dan governan (WCED 1987). Kesemua ini merupakan persoalan yang memerlukan sumbangan unik geografi. Brundland memberikan idea yang mana pentafsirannya dibiarkan untuk setiap masyarakat bersetuju dengannya. Ini kerana setiap idea itu harus diterima dan dihayati dan diberikan makna tersendiri oleh setiap masyarakat dan komuniti. Sintesis tahap ketiga ini yang cuba dirungkai makna setempatnya dalam kajian Abdul Samad Hadi et al. (2006) tentang kelestarian bandar bandar kecil di Malaysia;

“Sebuah bandar kecil yang lestari itu membawa beberapa makna. Ia harus dapat menyediakan kehidupan yang sempurna dan selesa untuk penduduk setempat dan pada masa yang sama menjaringkan penduduk setempat dengan kawasan yang lebih luas – daerah dan wilayah yang melingkunginya. Ia harus juga terhubung dengan ekonomi negara, malahan perubahan global. Kedua-dua konsep ini, kelestarian tempat dan kelestarian rangkaian perlu sekiranya potensi pembangunan diinginkan untuk generasi hari ini dan generasi mendatang. Jika tidak bandar kecil itu sama ada akan berubah menjadi ruang singgahan antara tempat tempat yang lebih *established*, dikunjungi sambil lalu atau di ketika balik kampung; atau ia menjadi tersisih dan ditinggalkan langsung.”

Terkini, usaha mencari makna dayahuni bandar untuk Seremban oleh kumpulan peneliti yang sama pula sedang dituntaskan dengan ideal dayahuni bandar digambarkan menerusi “penduduknya yang sentiasa ceria, sibuk dengan pelbagai aktiviti dalam persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat” (Abdul Samad Hadi et al., 2008).

Kerelevanan penelitian geografi dalam kehidupan harian

Kehidupan harian merupakan wadah di mana budaya terpamer dalam ruang. Budaya merupakan sesuatu yang sentiasa diwujudkan dalam aktiviti manusia, yang mana kebanyakannya merupakan aktiviti lazim harian. Tanpa aktiviti dan amalan ini, ekspresi

budaya seperti masjid, taman dan halaman akan hilang dari landskap. Perubahan dalam budaya datang dari perubahan dalam amalan yang mereproduksi budaya (penghasilan kembali budaya), sama ada perlahan atau pantas. Perspektif geografi membolehkan asas budaya ini dikaitkan dengan pembentukan pola tempat dan ruang dan implikasi yang terhasil daripadanya.

Masyarakat Malaysia hari ini, dari nelayan ke akauntan dalam kehidupannya juga semakin memerlukan pelbagai maklumat yang terletak dalam konteks. Pengetahuan geografi kini menjadi semakin relevan dan bermakna dalam kehidupan harian. Pelbagai teknologi seperti GIS dan GPS yang diterapkan sehingga ke dalam telefon bimbit dan alat panduan kenderaan telah membawa wajah geografi ke muka ramai. Keupayaan melihat seluruh dunia dengan Google Earth® telah banyak membantu peningkatan minat terhadap geografi dan kartografi di Barat. Hari ini penduduk Malaysia rata-ratanya hanya menjadi pengguna teknologi sebegini tetapi ahli geografi dan para pelajar bukan sahaja terdedah kepadanya bahkan sedang menyumbang dalam peningkatan teknologi tersebut, sama ada dari sudut bahan isi kandungan yang akan dipaparkan, malahan bentuk perkembangan teknologi berasaskan kefahaman geografi ini (Shaharudin, 2002; Abdul Hadi, 1992).

Namun satu kevat wajar dicatat tentang teknologi berasaskan geografi ini. Teknologi itu sama ada GIS, penerima atau sensor imej satelit, mahupun algoritma pemrosesan imej dan interpolasi garisan kartografi digital itu bukannya geografi. Semua ini merupakan teknologi yang memberdaya, *enabling technology* (awas agar tidak terpedaya) - *empower*, geografi untuk mengartikulasi idea, konsep hubungkait dan ilmu hubungan alam dan manusia.

Selain dari keasyikan dengan teknologi, geografi juga membicarakan makna dan struktur yang merangka kehidupan harian penduduk di pelbagai tempat yang berbeza. Kehidupan yang terbahagi sama ada kepada kelas, kasta, jantina, umur atau kaum seringkali membawa implikasi perbezaan pengalaman, kesedaran, cara hidup malahan budaya. Dalam masyarakat yang sama kewujudan komuniti yang berbeza membawa kepada satu pertarungan pengiktirafan dan pada tahap ini kumpulan yang mempunyai kekuatan yang hampir sama akan menonjolkan dan mereproduksi budaya pada satu tahap kesedaran yang tinggi. Kadang kala ini merupakan percaturan antara sub-budaya tetapi adakalanya ia wujud di antara budaya utama.

Perbincangan tentang pola ruwang juga merupakan perbincangan tentang kuasa. Kumpulan dominan memelopori pengalaman dan pandang dunianya serta andaiannya sebagai objektif dan budaya asas untuk sesuatu masyarakat. Kesemua ini memerlukan ruang geografi dan tempat untuk dilaksanakan. Kuasa dipamerkan dan disokong melalui reproduksi budaya dan ia paling berkesan apabila andaian budaya kumpulan utama diterima semua sebagai *common sense* tanpa sebarang persoalan dan apabila terdapat ruang fizikal yang menempatkannya. Ini juga apa yang dipanggil sebagai *cultural hegemony*. Budaya lain kemudiannya ditakrif sebagai antara lainnya; tradisi (atau sejarah), tinggalan (yang tetap pada zaman lampau), menampil (yang menjangka

masa hadapan) dan yang ditolak atau diketepikan seperti budaya kuning, budaya dadah, malahan budaya ajaran sesat dan songsang. Namun begitu setiap sub-budaya ini akan cuba mencari persembahan dan ekspresinya sendiri, walaupun di dunia khayalan.

Peningkatan kerelevanan geografi untuk pembentukan polisi dan membuat keputusan

Pelbagai polisi dan proses membuat keputusan sama ada untuk pentadbiran awam mahupun untuk pihak swasta semakin memerlukan bukan sahaja maklumat, tetapi juga maklumat yang telah disintesis dan bermakna. Bukan sahaja demikian, terdapat pelbagai polisi yang memerlukan konsepsualisasi yang berakarkan kefahaman geografi.

Contohnya pada hari ini perbincangan tentang pembangunan, terutamanya mampan atau pembangunan lestari menjadi fokus utama pembentukan pelbagai polisi pembangunan. Ternyata menerusi aktivis sosial dan kefahaman saintifik bagaimana proses pembangunan telah merosakkan persekitaran. Strategi pengukuhan antara generasi ini sentiasa memerlukan usaha mengintegrasikan dimensi persekitaran yang geografik sifatnya.

Kesimpulan

Walaupun geografi sentiasa mengalami perubahan, dua elemen utamanya, ruang dan usaha mensintesis ruang dari pelbagai sudut masih kekal. Malahan kedua pendekatan ini memperkaya bidang tersebut, dan sebarang usaha memartabatkan kembali bidang ini tentunya akan mendapat manfaat daripada kedua-dua elemen ini. Namun unsur itu sendiri bukannya merupakan unsur yang mudah diteliti kerana ia sentiasa bercampur baur dengan elemen-elemen lain; masyarakat dan komuniti, juga air dan udara di dalam ruang tersebut dan elemen-elemen lain ini yang lazimnya terperhati dan bukannya pentas kehidupan masyarakat dan tempat terletakinya air dan udara tadi.

Apatah lagi sintesis - ada yang menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak saintifik, malahan tidak mungkin dalam arus perdana yang masih menekankan peleriaan analisis berbanding rangkaian sintesis. Dunia akademik bukan sahaja dunia penataran ilmu, ia juga dunia realiti kerjaya yang semakin menekankan hasil, *outcome* yang nyata dan segera. Ini telah mengakibatkan ramai ahli akademik, termasuk ahli geografi, yang menumpukan penelitian dan usaha kepada perkara yang lazim dilakukan untuk hasil yang pasti – tentunya untuk perkiraan kerjaya di setiap peringkat. Disebabkan hal ini, walaupun sesuatu bidang itu kelihatannya semakin tidak bermaya dan memerlukan perubahan, perubahan itu sendiri sukar terlaksana akibat zon keselesaan (*comfort zone*) ahli akademik. Jika seseorang ahli geografi itu sudah selesai dengan sesuatu sub bidang pengkhususan, geografi ekonomi bandar ataupun biogeografi contohnya, amat sedikit insentif untuk pengkaji hari ini menggarap elemen lain untuk membentuk sintesis dengan risiko yang tinggi sekiranya gagal. Namun jika geografi di Malaysia ingin dipertingkatkan kembali risiko perlu diambil. Tentunya risiko yang mengambil

kira kerelevanan geografi untuk kehidupan harian, pengatur polisi juga mereka yang membuat keputusan. Risiko yang dihadapi adalah pendalaman ilmu sebegini akan ditolak atau diremehkan. Cerita tentang kehidupan harian mungkin dilihat sebagai sesuatu yang terlalu biasa, yang tidak ada yang menarik tentangnya. Perhatikan petikan dari Tuan (1971), salah seorang ahli geografi manusia yang telah lama menyumbang kepada kefahaman tentang apa itu geografi;

Adakah ianya berbaloi? Saya terpanggil untuk mempersoal bukan sahaja kegemilangan dan kedukaan kehidupan manusia, diperhatikan di jalanan dan universiti, tetapi juga tentang rutin lazim seperti memasak dan membasuh, menanam dan menuai, pembelian dan penjualan, pasang surutnya lalulintas di jalanan, pembinaan dan perobohan rumah, pergerakan lelaki, perempuan dan kanak-kanak – kesemua ini dan denyutan kehidupan lainnya membentuk isi kandungan geografi manusia. Kesemuanya wajar dan layak dikaji. Sedih untuk saya mengatakan bahawa ramai ahli geografi yang melihat kesemua ini sebagai terlalu ‘biasa’. Cabaran untuk ahli geografi kemanusiaan ialah untuk melihat semula objek-objek dan pergerakan hidup yang lazim dan biasa ini, bergembira dengan apa yang ada, seperti yang terpapar, kemudian menyelaminya untuk mencari makna dan hubungkait yang tersembunyi, dan akhirnya mempersembahkan kedua-duanya – kulit permukaan dan intipatinya, yang diperhatikan dan tersirat – dalam bahasa yang halus namun kukuh.

Kesanggupan untuk mengambil risiko ini akan hanya wujud jika terdapat keghairahan (*passion*). Untuk dimartabatkan semula, keghairahan ini harus disemarakkan. *Passion* di dalam geografi dan *passion* oleh ahli-ahlinya amat diperlukan.

Rujukan

- Abdul Hadi Harman Shah. (1992). GIS Education in the Third World - To What End? *ARC Info and ERDAS South Asia User Conference Proceedings*, Singapore, pp. 1-13.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. (2008). *Dayabuni bandar*. Bangi: Penerbit LESTARI & Muzium Negeri Sembilan.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Ahmad Fariz Mohamad & Abdul Hadi Harman Shah. (2006). *Perubahan persekitaran dan kemudahterancaman Lembangan Langat*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamad. (2006). *Mencari kelestarian bandar kecil*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Samad Hadi. (1990). *Di sebalik pola reruang*. Bangi: Penerbit UKM.
- Anas, A. & Dendrinis, D. S. (1976). The new urban economics : A brief survey. Dalam Papageorgiou, G. J. (ed.) (1976). *Mathematical land use theory*. Lexington: Lexington Books.
- Auge, M. (1995). *Non-places: An introduction to supermodernity*. London: Verso.
- Bunge, W. (1962). Theoretical geography: Lund studies in geography. *Series C, General and Mathematical Geography 1*, 201.
- Glacken, C. (1967). *Traces on the Rhodian Shore*. Berkeley: University of California Press.
- Gould, P. (1999). *Becoming a geographer*. Syracuse: Syracuse University Press.

- Gregory, D. (1994). *Geographical imaginations*. Massachusettes, Oxford: Blackwell Publications.
- Guttenberg, A. Z. (1990). *The language of planning*. Urbana: University of Illinois Press.
- Haggett, P. (1965). *Locational analysis in human geography*. London: Edward Arnold.
- Haggett, P. (1972). *Geography: A modern synthesis*. London: Edward Arnold.
- Hamzah Sendut. (1962). Patterns of urbanisation in Malaya. *Journal of Tropical Geography*, 16, 114-130.
- Hartshorne, R. (1939). *The nature of geography*. Lancaster: Association of American Geographers.
- Harvey, D. (1969). *Explanation in geography*. London: Edward Arnold.
- Harvey, D. (1989). *The condition of post-modernity: An enquiry into the origin of cultural change*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Harvey, D. (1990). Between space and time: Reflection on the geographical imaginations. *Annals of the Association of American Geographers*, 80, 418-439.
- Jameson, F. (1991). *Postmodernism, or the cultural logic of late capitalism*. Durham: Duke University Press.
- Jencks, C. (1980). *Skyscrapers, skyprickers, skycities*. New York: Rizzali.
- Lyotard, Jean-Francois. (1984). *The post-modern condition: A report on knowledge*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Malaysia. (2012). *Laporan awal pelan pembangunan pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Marden, P. (1992). The deconstructionist tendencies of postmodern geographies: a compelling logic? *Progress in Human Geography*, 16(1), 41-57.
- Murphey, R. (1973). *The scope of geography*. Chicago: Rand McNally.
- National Research Council. (1997). *Rediscovering geography*. Washington D.C: National Academy Press.
- Tuan, Y. F. (1971). Geography, phenomenology and the study of human nature. *Canadian Geographer*, 15, 181-192.
- Sauer, C. O. (1927). *Recent developments in cultural geography*. Dlm. Hayes, E. C. (ed.), *Recent developments in the social sciences. (ms 154-212)*. Philadelphia: J. B. Lippincott Company,
- Schaeffer, F. (1953). Exceptionalism in geography: A methodological examination. *Annals of the Association of American Geographers*, 43, 226-49.
- Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah. (2002). The role of GIS in research: The LESTARI experience. *The sustainability of GIS in Malaysia, LESTARI Roundtable Dialogue proceedings*. Bangi: Penerbit LESTARI, UKM, 32-40.
- WCED. (1987). *Our common future*. Oxford: Oxford University Press.